

SULIT

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

Ogos

2012

2 $\frac{1}{4}$ Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2012**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan mengamalkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Remaja kini berdepan dengan pelbagai tekanan dalam usaha memenuhi keinginan ibu bapa dan guru untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Tekanan yang dihadapi telah menyebabkan ada segelintir remaja mengambil tindakan yang tidak sesuai.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menangani tekanan.

2. Banyak pendapat mengatakan bahawa masalah sosial dalam kalangan remaja berkaitan dengan keruntuhan institusi keluarga.

Jelaskan peranan keluarga bagi menangani masalah sosial dalam kalangan remaja pada masa ini.

3. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Anda ingin menulis rencana tentang peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk memajukan industri pelancongan.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Penganjuran sukan bertaraf dunia seperti perlumbaan kereta 'Formula 1', perlawanan bola sepak 'Piala AFC' dan perlumbaan basikal 'Le Tour de Langkawi' wajar diteruskan kerana banyak faedah yang diperolehi melalui penganjurannya.

Nyatakan faedah-faedah penganjuran sukan bertaraf dunia.

5. Peribahasa 'bukit sama didaki, lurah sama dituruni' menggambarkan bahawa semangat hidup bermasyarakat penting dalam kehidupan seharian.

Bincangkan manfaat semangat tersebut kepada masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos
2012
2 ½ Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2012**

**BAHASAMELAYU
KERTAS 2**

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor pencemaran air dan kesan-kesan pencemaran air kepada manusia. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Air merupakan sumber semula jadi yang sangat penting bagi kehidupan di muka bumi ini. Bumi diliputi oleh 71 peratus air dengan isi padunya dianggarkan lebih kurang 1.386 bilion km padu. Daripada jumlah tersebut, 69 peratus terdiri daripada bongkah ais dan 'permafrost'. Hanya lebih kurang dua peratus sahaja terdiri daripada air yang menjadi sumber bekalan utama kepada semua spesies kehidupan. Air yang menjadi sumber utama kepada manusia terdiri daripada jenis air tawar yang terdapat di bawah tanah. Selain itu, sumber air tawar juga diperolehi daripada air hujan dan yang paling banyak datangnya daripada sumber sungai dan tasik. Air sungai dan tasik merupakan permukaan air yang paling mudah terdedah kepada pencemaran.

Pencemaran air berkait rapat dengan sikap dan aktiviti manusia itu sendiri. Manusia dikenal pasti sebagai penyumbang terbesar kepada masalah pencemaran air. Pencemaran air yang paling besar berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan. Pernahkah kita terfikir ke manakah perginya sisa kumbahan yang kita hasilkan? Sedar atau tidak, sisa kumbahan itulah yang menjadi faktor utama kepada pencemaran air. Hal ini menjadi bertambah buruk di kawasan yang tidak mempunyai sistem pembetungan yang sempurna. Pembukaan dan penerokaan tanah yang tidak terkawal di samping aktiviti pembalakan yang berleluasa telah menyebabkan hakisan tanah dan keladak disalurkan terus ke sungai. Selain itu, aktiviti pertanian sama ada berskala kecil atau besar turut menjadi penyumbang kepada pencemaran air. Penggunaan racun serangga dan baja kimia dalam bidang pertanian turut mencemarkan air kerana bahan-bahan ini yang tidak diserap oleh tumbuhan akan mengalir terus ke sungai. Najis haiwan daripada aktiviti penternakan yang dilepaskan ke dalam sungai menjadikan hal ini semakin serius dan sukar ditangani di negara kita.

Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan membuang sampah-sarap ke dalam sungai atau tasik juga menjadi masalah. *Sikap mengambil mudah* masyarakat ini memburukkan lagi keadaan. Dianggarkan bahawa tidak kurang daripada satu juta kilogram sisa buangan dibuang ke dalam sungai setiap hari. Pusat pelupusan sampah yang tidak diuruskan dengan sempurna turut mencemarkan sumber air. Keadaan pusat pelupusan sampah yang tidak diuruskan dengan baik akan menyebabkan air bertakung di kawasan sekitar tempat pelupusan sampah itu dan menimbulkan masalah air berbau busuk. Memandangkan hal ini boleh memberi kesan kepada kualiti air, ada pusat-pusat pelupusan sampah yang sedemikian telah diarahkan tutup oleh pihak berkuasa.

Dalam bidang industri pula, pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian juga menjadi penyumbang kepada pencemaran air apabila sisa buangan yang tidak dirawat dilepaskan ke dalam sungai. Sikap lepas tangan pengusaha kilang ini menyebabkan air semakin tidak selamat digunakan. Sisa buangan industri yang tidak dirawat dengan betul boleh mendatangkan pelbagai penyakit. Di samping itu, aktiviti menuba ikan untuk mengaut keuntungan dikenal pasti sebagai salah satu punca.

Masalah pencemaran air di negara kita pada hakikatnya semakin serius walaupun masih terkawal. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan terutama menerusi Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memelihara dan menjaga sumber air daripada tercemar. Semua usaha ini pastinya menjadi sia-sia ibarat mencurahkan air ke daun keladi sekiranya kita sendiri tidak mempunyai kesedaran menjaga serta memelihara khazanah alam ini. Bersama-sama kita menghargai air!

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Air: Bersyukurkah Kita?' Oleh Roslan Lateh, Dewan Siswa, April 2009; Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sikap mengambil mudah* [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan sumber air tawar amat penting kepada manusia. Nyatakan dari manakah sumber air tawar itu diperolehi? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya menjaga sumber air? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Pemahaman Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ibu juga bergerak di mana saja dia berada. Kalau di baruh, ibulah yang menajak dan menyisir selut. Ibulah yang memikul gemal dan tanam benih-benih itu dengan tulang empat kerat ibu yang tidak pernah tidak bermaya itu. Kelak ibu jugalah yang menuai apabila padi masak sampai habis gemal-gemal itu dijunjung naik masuk jelapang.

Ceper pun serupa. Ia memancutkan airnya begitu deras bagaikan anak panah yang baru saja lepas dari busurnya. Dan pancutan itu menebuk tebing hingga mencipta lubuk yang dalam-dalam, menyusur dasar bersama ikan-ikan yang bercahaya matanya, bersama anak-anak dan bapa-bapa udang, bersama lumut yang lembut kehijau-hijauan dan bercahaya seperti manik-manik dipanah cahaya lampu.

Aku bersama sahabat-sahabat sebaya bersorak dengan penuh tenaga apabila sekali-sekala kami turun ke lubuknya meragau ikan atau sekadar menyembunyikan pucuk-pucuk buluh bermain acilut.

Selesai saja subuh, ibu sudah berada di bumi. Kalau musim bersawah, di sawahlah. Kalau musim berderau di rumah kenduri atau bersama keluarga menziarahi mayat, ibu ada-ada saja kerjanya.

(Dipetik daripada Ibu dan Ceper,
Antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, berikan gambaran keadaan Sungai Ceper ketika itu. [2 markah]
- ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang anak boleh membalas jasa kedua-dua ibu bapanya? [3 markah]
- iii) Huraikan **satu** perwatakan ibu yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** lagi perwatakan ibu yang terdapat dalam keseluruhan karya. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Orang suruhan Merah Gajah segera memberitahu ayahanda Raja Muhammad. Ujar hamba sahaya itu, “Ya tuanku, paduka anakanda tuan kami, Puteri Betong telah hilanglah sebab dibantunnya oleh Merah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya!” Setelah Raja Muhammad mendengar khabar inang itu baginda merasa amat marah. Baginda menghimpunkan segala askar mendapatkan Merah Gajah lalu dibunuhnya.

Setelah Merah Gajah mati, segera orang memberitahu ayahanda Merah Gajah, Raja Ahmad. Kata mereka, “Wah tuanku paduka, anakanda Merah Gajah itu telah mati dibunuh oleh mentuanya sebab ia membantunkan rambut sehelai yang di tengah-tengah kepala Puteri Betong! Pada fikiran anakanda Merah Gajah perbuatannya itu tiada akan mati Puteri Betong kerana mencabut rambut yang berwarna keemasan itu.”

Sebaik mendengar khabar itu, Raja Ahmad menghempaskan dirinya, mengoyak-ngoyak baju serta mencarik-carik kainnya. Raja Ahmad pun terlalu marah. Dengan serta-merta baginda menghimpunkan segala askar lengkap dengan segala senjatanya.

Maka pada ketika yang baik, Raja Ahmad pergi menemui Raja Muhammad. Apabila berhadapan askar kedua-dua itu, mereka berperang. Tempik sorak segala hulubalang dan rakyat kedegaran amat hebat. Askar kedua-dua pihak ramai yang mati dan luka sebab beramuk-amuk sesama sendiri. Dalam pergaduhan itu matilah Raja Muhammad dan Raja Ahmad.

Tinggallah Merah Silu dengan Merah Hasum berdua saudara dan saki-baki rakyat yang masih hidup. Mereka menyembah mengaku taat setia kepada anak raja kedua itu untuk terus tinggal di dalam negeri itu.

(Dipetik daripada Merah Silu,
Antologi Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i. Berikan maksud rangkai kata *Sebaik mendengar khabar itu*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan petikan, apakah reaksi Raja Ahmad apabila diberitahu tentang kematian Merah Gajah yang dibunuh oleh Raja Muhammad?
[3 markah]
- iii. Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Raja Muhammad membunuh Merah Gajah?
[3 markah]

Soalan 2(d) – Pemahaman Puisi

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Bawah Langit yang Sama

Lim Swee Tin

Di bawah langit yang sama
 Kita hirupi udara
 Tanpa mengira Beirutmu
 Ataupun Kuala Lumpurku
 Di bawah langit yang sama

Aku suka gerimis di Kota London
 Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington
 Pohon-pohon hijau atau aneka warna
 tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika
 Kerana di bawah langit ini
 Kita sama.

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan
 Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera
 Berkongsi siang memiliki malam
 Anyam cinta pelangikan zaman
 Tiup harapan senada
 Sesama kita - warga dunia
 Di bawah langitnya
 Yang sama.

Peta-peta itu yang memisahkan
 Jangan tutup pos sempadan
 Visa hanya keperluan rasmi seketika
 Pasport dokumen pengenalan titik mula
 Kita dakapi mimpi tak berbeza
 gapai hasrat
 Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam
 Di bawah langit ini yang
 Sama.

(Dipetik daripada Antologi Dirgahayu Bahasaku,
 Dewan Bahasa dan Pustaka)

Baca sajak di atas dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i. Berikan maksud rangkap ketiga sajak di atas. [2 markah]
- ii. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang timbul jika masyarakat tidak bersatu padu? [3 markah]
- iii. Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Tatabahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan ini sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) lukis
- (ii) melukis
- (iii) melukiskan
- (iv) terlukis
- (v) lukisan
- (vi) pelukisan

[6 markah]

- (b) *Tukarkan cakap pindah di bawah kepada cakap ajuk tanpa mengubah maksud asalnya.*

Sarah menanya rakannya Lisa sama ada Lisa nampak apa yang dia nampak. Lisa memberitahu bahawa dia nampak dua orang bertopeng sedang cuba masuk ke rumah jiran mereka. Sarah mencadangkan agar mereka menelefon pihak polis dengan segera. Lisa bersetuju dengan cadangan itu dan ingin menelefon pihak polis, tetapi dia memberitahu Sarah bahawa dia mesti pergi jauh sedikit supaya perbualannya tidak didengar oleh pencuri itu. Sarah meminta Lisa bersegera untuk menelefon pihak polis kerana mungkin pencuri itu akan terlepas lari nanti. Lisa mengiakan dan meminta Sarah memerhatikan pencuri itu dengan teliti.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- (i) Pada setiap tahun, kerajaan telah memperuntukan jutaan ringgit untuk membiayai pusat-pusat serenti dan menjalankan kempen anti-dadah.
- (ii) Peraduan menulis essei sewajarnya diperbanyak demi meningkat kemahiran menulis bahan ilmiah.
- (iii) Rakyat Malaysia turut berbangga dengan penglibatan dan pencapaian atlit kurang upaya dalam beberapa acara yang bertanding di peringkat antarabangsa.

[6 markah]

BM (2) PERCUBAAN SPM 2012

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Semua murid-murid hendaklah menceburi aktiviti kokurikulum, di samping menumpukan aspek akademik bagi mencapai kecemerlangan secara holistik.
- (ii) Nasi Arab Restoran yang baru dibuka itu mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan peminat.
- (iii) Perabot-perabot yang diimport itu mendapat permintaan yang menggembirakan oleh penduduk di kawasan kejiranan itu.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa lain yang sama maknanya dengan peribahasa yang diberikan di bawah ini.*

- (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- (ii) Alang-alang mandi biar basah
- (iii) Mencurah garam ke laut

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- ii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- iii) PAPA... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusoff
- iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- v) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- vi) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, terdapat persoalan ketabahan watak utama menghadapi dugaan dalam kehidupan.

Jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, terdapat pelbagai latar masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang.

Huraikan **latar masyarakat** yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]